



## KENYATAAN MEDIA MENTERI PERPADUAN NEGARA

### CAHAYA DEEPAVALI MENYINARI PERPADUAN ANTARA KITA

---

Putrajaya, 13 November 2020 - Selamat Hari Deepavali kepada rakyat Malaysia yang menyambut pesta cahaya ini.

1. Bagi penganut Hindu, Deepavali melambangkan kemenangan cahaya menumpas kegelapan dan kebenaran mengatasi kejahilan.
2. Ia merupakan hari yang disambut oleh penganut Hindu dan kini menjadi sebuah sambutan yang dikenali oleh semua rakyat Malaysia dari pelbagai lapisan masyarakat sekaligus mencerminkan semangat perpaduan yang sudah lama terpasteri dalam jiwa kita.
3. Keupayaan kita untuk menghayati dan menghargai kepelbagaian budaya adalah teras yang menjadikan tanah air tercinta ini benar-benar unik. Keharmonian yang kini kita nikmati sememangnya berlandaskan teras ini.
4. Dalam kita menghadapi pandemik COVID-19, marilah kita berganding bahu untuk menempuh masa-masa sukar ini bersama.
5. Walaupun perayaan kali ini tidak dapat disambut bersama, tanpa saling berkunjung dan berkongsi makanan, kita masih boleh saling mendoakan kesejahteraan semua.

6. Saya menggalakkan setiap rakyat Malaysia untuk menyampaikan ucapan tulus ikhlas Deepavali kepada rakan-rakan dan ahli keluarga anda melalui teknologi yang hanya berada di hujung jari kita.

Semoga sambutan Deepavali ini akan terus memperkuatkan ikatan perpaduan rakyat Malaysia.

Ikhlas kepada semua rakyat Malaysia yang menyambut, Ungal Anaivarukkum En Iniya Deepavali Nalvazhthukkal!

Stay United, Stay Safe, Stay At Home

#semangatkekitaan #raikanbersama

**DATUK HALIMAH MOHAMED SADIQUE  
Menteri Perpaduan Negara**  
13 November 2020

**-TAMAT-**

**Pertanyaan media:**

1. **Lee Hock Keong**, Setiausaha Akhbar  
Tel: 018 - 780 0079
2. **Norhayati Abd Manaf**, Ketua Unit Komunikasi Korporat  
Tel: 012 – 393 5075